

SULIT

1103/2

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

2 JAM 30 MINIT

NAMA:

TINGKATAN:



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK

MODUL KECEMERLANGAN SPM 2023
SET 2

BAHASA MELAYU
KERTAS 2
2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
ARAHAN:

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. *Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **12** halaman bercetak

1103/2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

SULIT

[35 markah]

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata kerja tunggal dan dua kata majmuk rangkai kata bebas**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Perjalanan dari Bandar Baru Bangi ke Pulau Pinang yang dikenali juga sebagai Pulau Mutiara kali ini sungguh lancar. Pukul 8:30 pagi, kami sudah tiba di kawasan Rehat dan Rawat Tapah untuk sarapan dan solat sunat. Pukul 10:30 pagi, kami sudah pun merentas Jambatan Kedua Pulau Pinang. Perjalanan agak jauh tetapi tidak membosankan. Lagu-lagu daripada stesen radio tempatan yang disulami sembang santai bersama-sama keluarga meningkatkan keterujaan untuk cepat sampai. Tatkala memasuki bandar raya Pulau Pinang, lagu Boria Pulau Pinang diputarkan. Kami sekeluarga tidak melepaskan peluang untuk menyumbangkan suara. Lagu Boria Cuti-cuti Malaysia ini senang diikuti kerana ada liriknya diulang beberapa kali. Oleh sebab semuanya sudah berasa lapar, kami mengambil keputusan untuk berhenti di restoran nasi kandar yang menjadi kegemaran kami sekeluarga setiap kali bercuti di Pulau Pinang. Setelah itu, kami mendaftar masuk di hotel yang telah ditempah lebih awal. Setelah berehat beberapa ketika, kami mengambil keputusan untuk turun ke pantai bagi menikmati keindahan pantai Batu Feringgi, mandi-manda, dan membina istana pasir.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pulau Mutiara'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia
[8 markah]

- 2 Baca e-mel di bawah, kemudian kenal pasti dan tulis jenis-jenis **ayat perintah** bagi ayat-ayat yang bergaris sama ada **ayat suruhan, ayat permintaan, ayat larangan atau ayat silaan**. Anda perlu menulis jawapan mengikut contoh seperti di bawah.

Ayat : Tolong serahkan lembaran kerja ini kepada murid yang tidak hadir semalam.

Jenis Ayat : Ayat permintaan

P
A
G
E
M
E
R
I
T
A
T
3

Daripada	drcha@gusanuniversity.com
Kepada	adnilsah@mail.com
Subjek	Usaha-usaha Memerangi Penularan Wabak
Salam sejahtera Adnilsah, Terima kasih kerana menghantar e-mel kepada saya. Seperti saudari, saya juga berasa risau sejak tercetusnya pandemik COVID-19. Virus ini berbahaya kerana mudah merebak. Antara usaha yang boleh diambil ialah saudari perlu komited melakukan kawalan sendiri untuk mengurangkan penyebaran penyakit. Contohnya, <u>patuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menangani wabak ini.</u> Selain itu, saudari <u>jangan sesekali berlengah-lengah untuk mendapatkan nasihat perubatan daripada doktor sekiranya mengalami gejala demam, batuk dan selesema.</u> Saudari juga <u>diminta memakai pelitup muka semasa berada di tempat awam</u> untuk menangani penularan kerana jangkitan virus boleh berlaku melalui mata, hidung dan mulut. Di samping itu, basuh tangan saudari dengan sabun dan air selama sekurang-kurangnya 20 saat. <u>Elakkan bergaul rapat dengan individu yang sakit.</u> Saudari juga perlu menggunakan tisu atau siku saudari, dan bukan tangan untuk menutup mulut apabila batuk dan bersin. <u>Bersihkan tempat kerja yang dikongsi, dan permukaan yang sering disentuh.</u> Sila kekal di rumah jika saudari mengalami gejala seperti selesema. Implikasinya, kita dapat mengurangkan risiko penularan COVID-19. Kesannya, kita akan memudahkan urusan petugas barisan hadapan. Akhir kata, kita perlu mengubah gaya hidup kita dengan norma baharu. Usaha ini akan memastikan kita tidak menghadapi masalah kesihatan yang kronik bak kata pepatah, "mencegah lebih baik daripada mengubati". Rakanmu, Dr. Cha Jeung-Suk	

[6 markah]

- 3 *Petikan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Petikan 1

Antara langkah-langkah utama yang perlu dilakukan oleh rakyat Malaysia adalah dengan memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Negara yang mempunyai sejarah yang panjang seperti Jepun dan Perancis bangga pada bahasa ibunda masing-masing. Mereka meremehkan bahasa asing dan cuba mewujudkan adat agar bahasa asing tidak mengatasi kedudukan dan kepentingan bahasa kebangsaan.

Rakyat negara tersebut merasa bangga menggunakan bahasa kebangsaan walaupun kemahiran menguasai bahasa ke-dua dianggap penting dan digalakan untuk memudahkan mereka berinteraksi dengan orang asing.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Perkasa, Daulatkan Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Persada Dunia'
oleh Norazlinda Mohammad
<https://dagangnews.com>

[7 markah]

Petikan 2

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan satu dari kegiatan ekonomi negara yang penting. Oleh sebab itu, Malaysia perlu mengambil lebih banyak insentif bagi merencanakan lagi pelaksanaan industri ini selain memberi penekanan kepada pembangunan industri berat. Perkembangan industri kecil amat penting dalam konteks pembangunan sesebuah negara. Pembangunan IKS mempunyai kepentingan yang paling luas sekali bagi membolehkan Malaysia wujud sebagai negara perindustrian yang dinamik. Pembangunan industri berat yang berlaku dinegara ini terutama industri besi dan keluli, industri motor, petroleum, elektronik dan percetakan boleh mendorong perkembangan IKS.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia'
<https://www.irujukan.my>

[6 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri dihadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambilm menarik panahnya itu, "mati engkau, Cau Pandan."

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam antologi *Sejadah Rindu*,

Kementerian Pendidikan Malaysia)
[4 markah]

1103/2

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

Riza suka (i)_____ketika bekerja dengan melayari laman sosial, terutama ketika ketuanya tiada di pejabat. Dia hanya akan bekerja dengan bersungguh-sungguh apabila disuruh dan diawasi oleh ketuanya. Sikapnya itu tidak ubah (ii)_____. Rakan-rakan sepejabatnya sudah puas memberikan nasihat dan teguran namun tidak pernah diendakkannya.

[4 markah]

1103/2

[Lihat halaman sebelah

SULIT

BAHAGIAN B – PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Promosi yang agresif perlu dilakukan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan Malaysia bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang menarik di dunia. Program seperti pelancaran pelbagai aktiviti promosi di dalam dan di luar negara, promosi dalam talian dan media sosial, serta peningkatan infrastruktur pelancongan, dapat memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Dalam belanjawan 2023, Kerajaan telah memperuntukkan 250 juta ringgit untuk mempromosikan pelancongan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Selain itu, Malaysia perlu terus mengembangkan strategi pemasaran dan promosi yang efektif untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang menarik di seluruh dunia termasuk pelancaran pelbagai aktiviti promosi di luar negara, promosi dalam talian dan media sosial, serta peningkatan infrastruktur pelancongan.

Bahan 2

Presiden Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Datuk Mohd Khalid Harun berkata, pihaknya akan memberikan sokongan dan kerjasama bagi mempromosikan Malaysia ke peringkat antarabangsa kembali dengan memperkenalkan pelbagai promosi pakej pelancongan menarik bagi meningkatkan industri pelancongan. Pembukaan pintu sempadan negara kepada pelancong asing menjadi titik tolak kepada kejayaan sektor pelancongan antarabangsa pascapandemik COVID-19. Seluruh penggiat industri pelancongan dan kebudayaan perlu bekerjasama dan bersedia untuk menerima kemasukan pelancong dalam jumlah yang tinggi semula. Hal ini dikatakan demikian kerana kerjasama kementerian, pemain industri dan rakyat amat penting bagi memastikan pembukaan semula sempadan negara bagi memacu sektor pelancongan *mencapai objektif*. Dengan pembukaan sempadan negara ini, sektor pelancongan Malaysia berpotensi besar kembali menjadi tumpuan pelancong di seluruh pelosok dunia.

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *mencapai objektif*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah usaha-usaha untuk memperkasakan sektor pelancongan di negara kita? [3 markah]

- (iii) Pada pandangan anda, apakah faedah yang akan diperoleh rakyat dan negara apabila sektor pelancongan negara berkembang maju? [3 markah]
- (iv) Industri pelancongan negara masih belum pulih sepenuhnya selepas fasa Covid-19. Kesannya dirasai oleh pelbagai pihak.
- Sebagai rakyat Malaysia, apakah usaha-usaha yang dapat anda lakukan bagi membantu memperkasakan sektor pelancongan negara? [4 markah]

1103/2

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**SELOKA MARI BERSUKAN**

Sukan membentuk semangat waja,
Sentiasa ceria sepanjang masa.
Beriadah bersukan amalan mulia,
Badan sihat tubuh bertenaga.

Mari sertai sukan sekolah,
Kurang perkara yang *tidak berfaedah*.
Bersukan gaya hidup sihat,
Hati gembira hidup selamat.

Ismail Ahmad
Universiti Kebangsaan Malaysia

Bahan 2

Tengok sekarang, dia sedang menyusun sepuluh jarinya. Babah dan ibunya sedar akan perkara itu. Jari-jemarinya jelas montok dan gebu; padat berisi sebagai tanda perut yang tergalas secukupnya. Makanan seimbang dan amalan hidup sihat selalu menjaduali rutin hariannya di tengah-tengah keluarganya yang bengis dan kasar.

Kepada Aiman, layanan seperti itu tidak wajar dilakukan terhadap dirinya. Tamparan selalu singgah di pipiku. Sudah-sudahnya, aku menjadi gagap. Di manakah harmonisnya? Di manakah humanisnya? Mengapakah tidak dimanfaatkan sahaja teknologi tingkah laku?

Tenaga berlebihan? Oh, tidak! Kudrat melebihi ketepuan? Tidak juga. Kelebihan kalsium semasa proses kehamilan? Barangkali si ibu mengambil bahan kimia ini

secara berlebihan semasa proses berkenaan. Kemungkinannya ada.
Kebarangkaliannya tidak berlaku juga ada.

Dipetik daripada cerpen 'Hipertensi',
oleh Illias Zaidi
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pelajaran Malaysia

1103/2

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

Bahan 3	
	PANTUN Si Luncai bergeliga lantangnya terserlah, Indah jelita Sang Kesuma, Bersama labu menyelamatkan diri, Ayu mendayung membawa rakit; Makanan ringan perlu dielak,
Mencuci tangan amalan utama, Ganti piramid makanan melengkapkan diri, Yakinlah penyakit takkan berjangkit. cikgurohanaali.blogspot	

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *tidak berfaedah*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan cara-cara menjaga kesihatan yang wajar diamalkan? [4 markah]
- (iii) Gaya hidup sihat perlu diamalkan pada sepanjang masa.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat?

[3 markah]

- (v) Pada suatu petang, anda menonton perlawanan bola sepak di kaca televisyen antara pasukan Malaysia dengan pasukan Eropah. Dalam perlawanan tersebut, pasukan negara kita telah tewas.

Sebagai rakyat yang prihatin, nyatakan langkah-langkah yang wajar dilakukan untuk mempertingkatkan mutu sukan negara. [4 markah]

1103/2

[Lihat halaman sebelah

SULIT

8 *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Mengikut perancangan awal Jeneral Yamashita, sepasukan tentera Jepun lagi akan mendarat di Kampung Mandai dan kemudian membelok ke kiri menuju ke Nee Soon bagi memecahkan pertahanan pihak British di Pangkalan Sembawang. Kemudian, Jepun akan menawan kawasan tanah tinggi di Bukit Timah dan seterusnya menawan empangan-empangan Selatar, Pierce dan MacRitchie. Jeneral Yamashita tahu Singapura tidak akan dapat bertahan lama dan akan menyerah kalah sekiranya bekalan air terputus. Perancangan seterusnya, sekiranya tentera British tidak mahu menyerah kalah, maka tentera Jepun akan memasuki pusat bandar Singapura.

Berlaku perselisihan pendapat antara Panglima Divisyen Pengawal Imperial Jepun, Jeneral Nishimura dengan Jeneral Yamashita. Dia naik berang dengan menuduh Jeneral Yamashita memperkecil dirinya kerana tidak diberikan peranan yang penting dalam perancangan menawan Singapura.

Dipetik daripada novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*
oleh Abdul Latip Talib,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah perancangan-perancangan awal Jeneral Yamashita untuk menawan Singapura?
[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azman Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Bebi Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah buah** novel yang telah anda pelajari, huraikan peristiwa yang menunjukkan sikap keprihatinan masyarakat.

[6 markah]

1103/2

[Lihat halaman sebelah

SULIT

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 Markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1

Kempen Beli Barangan Malaysia memasuki usia 23 tahun pada tahun ini. Kita sedia maklum bahawa pelbagai iklan, wacana, perbincangan dan artikel dipaparkan menerusi media massa dilakukan untuk menjentik rakyat supaya membeli barangan tempatan. Persoalannya, benarkah kempen ini dilihat berjaya meraih perhatian dan sokongan masyarakat? Dalam hal ini, sekiranya kita melihat semula kejayaan kempen Beli Barangan Malaysia, ternyata kita belum mampu berbangga dengan hasilnya. Pelbagai kaedah perlu dilakukan untuk membugarkan semula semangat membeli barangan buatan Malaysia.

Aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan TikTok tidak asing lagi dalam kehidupan setiap individu. Oleh itu, setiap usahawan dan industri yang mahu memasarkan barangan tempatan harus mempromosikan barangan mereka di platform maya ini kerana media sosial menawarkan keupayaan untuk berkomunikasi dengan pelbagai cara. Media sosial ini lebih berkesan menjadi medan sebaran baharu yang menggantikan wahana komunikasi tradisional sekiranya mereka menggunakan tanda pagar (#Beli Barangan Buatan Malaysia) dalam hantaran, kapsyen dan ciap untuk memudahkan carian masyarakat.

Pada masa yang sama, aplikasi e-dagang seperti Shopee, Go Shop dan Lazada wajar bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam mewujudkan ruang atau kategori barangan tempatan

dalam platform dagangan mereka. Hal ini memudahkan masyarakat untuk mengenal pasti barangan tempatan yang ditawarkan mengikut jenis produk. Pihak yang berkenaan juga perlu mencipta aplikasi baharu yang hanya menjual barangan tempatan sepenuhnya. Jika dilihat pada tahun 2019, Karnival Beli Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan diadakan di Johor. Dalam tempoh pandemik sebelum ini, aktiviti seperti ekspo dan karnival tidak dapat dijalankan secara fizikal. Oleh hal yang demikian, pihak berwajib disarankan untuk mengadakan e-karnival yang memfokuskan barangan tempatan sahaja.

Pembukaan kedai serbaneka barangan tempatan yang menjual pelbagai keperluan harian perlulah dijual dengan harga yang berpatutan. Suka atau tidak, barangan tempatan perlu bersaing dengan produk luar negara bagi mendapat tempat dalam hati masyarakat. Seterusnya, usaha untuk meningkatkan pengeluaran produk yang sukar ditemui di Malaysia perlu dilakukan secara berperingkat. Barangan yang sentiasa dikehendaki masyarakat, namun tidak dapat dijumpai perlu dibawa ke pasaran semasa. Lambakan barangan tempatan dengan permintaan masyarakat yang setara mampu mengurangkan pembelian barangan antarabangsa. Selain itu, dengan penawaran subsidi kerajaan, harga yang ditawarkan pasti berbaloi untuk dibeli. Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia dilihat masih relevan dan memberi impak positif kerana dapat membantu mengurangkan aktiviti import dari luar negara dan juga pengaliran wang keluar. Walaupun kesemua cadangan ini tidak mampu dilaksanakan dalam jangka masa pendek, namun demi melihat perubahan yang komprehensif, hal ini wajar difikirkan secara mendalam. Cukup-cukuplah masyarakat Malaysia sendiri menyisihkan barangan buatan Malaysia.

1103/2

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Kempen seumpama ini pada era endemik merupakan waktu terbaik membantu negara, usahawan kecil atau persendirian dan industri tempatan. Sekiranya rakyat Malaysia berganding bahu dengan menyokong hasrat murni pembelian barangan tempatan ini, semestinya permintaannya akan terus meningkat. Sekiranya permintaan bertambah, pengeluaran juga berlaku secara mendadak dan mampu membawa kepada penambahan tenaga kerja apabila rakyat Malaysia dapat mengisi peluang pekerjaan yang terhasil daripada usaha tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Cukup-cukuplah Menyisihkan Barangan Buatan Malaysia'
oleh Jaymani Sevanathan,
Dewan Ekonomi, Oktober 2021

Bahan 2


Belilah Barangan Buatan Malaysia

- Menggalakkan pembangunan industri tempatan.
- Mengurangkan aliran keluar tukaran wang asing.
- Menyemai semangat cinta akan negara.
- Menjimatkan perbelanjaan keluarga.

Barangan Buatan Malaysia
(Penyanyi: Upin dan Ipin)

Upin, Ipin nak ke mana?
Nak ke kedai sana, beli barangan
Beli sini je.. Tengok!
Wah! Ini semua barangan Malaysia

Barang bermutu bertaraf dunia
Barangan Malaysia
Harga berpatutan tiada bandingan
Barangan Malaysia
Barang baik barang kita
Berbanggalah

Betul, betul, betul
Barang baik barang kita

Lagu dan Lirik: *Les' Copaque*

Bahan 3